

Set Semasa Hamil BIODEX terbukti berkesan!



Saya telah mendirikan rumahtangga seawal usia 19 tahun dan menyimpan hasrat untuk mempunyai anak seramai mungkin. Di awal perkahwinan, saya disahkan hamil tetapi saya telah mengalami keguguran ketika kandungan berusia 1 bulan setengah. Tiga tahun kemudian, saya telah hamil untuk kali kedua tetapi malangnya kandungan itu turut keguguran sewaktu berusia setelah 1 bulan setengah. Pada tahun 2006, saya hamil lagi untuk kali ketiga namun perkara yang sama turut berlaku iaitu keguguran ketika usia kandungan 1 bulan setengah. Saya benar-benar trauma, sedih, kecewa serta berputus asa. Saya tidak tahu punca sebenar keguguran ini boleh berlaku tambahan pula ianya berlaku pada kadar usia kandungan tetap 1 bulan setengah. Saya benar-benar buntu apabila memikirkannya. Setiap kali berjumpa dengan orang yang dikenali, persoalan mengenai anak pasti akan timbul. Hati siapa yang tidak pilu apabila mendengar tohmahan, sindiran dan cacian dari orang yang dikenali lebih-lebih lagi apabila ada suara-suara sumbang menuduh saya mandul disebabkan oleh faktor keturunan. Kebetulan dalam sejarah keluarga saya memang mempunyai masalah sukar untuk hamil. Kami pernah berusaha mendapatkan tajaan untuk melakukan IVF tetapi malangnya kami tidak layak kerana berstatus kakitangan kerajaan yang dikategorikan berkemampuan. Setiap kali datang haid pasti saya kecewa dan menangis. Dan setiap kali haid datang lambat pula, saya akan cepat-cepat membuat ujian air kencing sendiri dan saya sangat kecewa apabila melihat keputusannya negatif. Pada waktu itu, saya akan berasa rendah diri dan terfikir bahawa saya gagal untuk menjadi isteri yang sempurna. Mujurlah saya mempunyai suami yang penyabar serta memahami, sentiasa menerangkan hati agar saya redha dan terus berusaha.

Saya tidak pernah berputus asa untuk mencuba pelbagai produk yang ada di pasaran namun tidak membuahkan hasil seperti yang diinginkan. Sehingga lah tempoh perkahwinan masuk usia 9 tahun, saya telah diperkenalkan dengan Program Kehamilan BIODEX (PKB). Saya terus mengajak suami untuk ke Bandar Kuantan dan mendapat khidmat nasihat dari perunding pemakanan BIODEX di MURNI EDAR TRADING, Kompleks Teruntum (09-5568788 & 0199691021) Stokis Pahang. Teruja dengan penjelasan yang diberikan, saya telah mendapatkan Set Lengkap untuk Isteri (PKB) bagi menurunkan berat badan yang berlebihan di samping meningkatkan kesuburan saya. Oleh kerana saya mempunyai sejarah keguguran sebanyak 3 kali, saya diadangkan lebih mengutamakan untuk menguatkan rahim terlebih dahulu. Di awal pengambilan saya telah mendapat kesan yang positif apabila berat badan mulai turun dan saya berasa lebih bertenaga dan sihat. Saya

mengamalkan Set PKB untuk isteri ini selama 4 bulan. Oleh kerana saya masih belum hamil dalam tempoh tersebut, kami menjuk semula kepada agen BIODEX untuk mendapat khidmat nasihat yang diperlukan. Kali ini kami dicadangkan mengambil Set PKB suami isteri bagi kesan yang maksimum. Katanya, ada sesetengah kes yang dikenalpasti berlaku yang mana keadaan sperma tidak mahu "bersenyawa" dengan ovum walaupun kedua-duanya sihat atau sempurna. Sebab itulah ada banyak kes pasangan suami isteri yang tiada masalah kesuburan tetapi sampai berbelas-tahun tidak mampu hamil. Keadaan ini perlu dibantu dengan Set Lengkap BIODEX untuk Lelaki yang terdiri dari Skyherbs Honey, Supreme Diet, Susu IgC dan Natto K. Katanya lagi, kesan positif dapat dilihat seawal 3 hingga 10 hari penggunaan yang mana air mani akan lebih pekat dari biasa dan dapat meningkatkan kualiti serta kuantiti sperma yang lebih sihat. Pengguna haruslah tahu dos-dos pemakanan yang perlu diambil dari masa ke semasa. Maka sebab itulah pengguna amatilah dicadangkan merujuk HANYA pada agen yang bertauliah dan membuat rekod kesihatan bagi mendapatkan kesan yang terbaik. Setelah 2 bulan suami saya mengamalkannya,

Alhamdulillah saya telah berjaya hamil. Bayangkan perasaan kami pada waktu itu ketika menerima berita gembira setelah penantian yang begitu lama. Ibu saya turut membuat kenduri kesyukuran dan doa selamat di atas kehormatan saya kali ini. Begitu lah besarnya harapan kami dan keluarga agar kandungan kali ini selamat sehingga melahirkan.

Sepanjang tempoh kehamilan, saya mengamalkan Set Semasa Hamil BIODEX iaitu Supreme Diet dan Susu IgC bagi mengekalkan kesihatan dan kandungan. Ini sangat penting bagi mengelak kejadian keguguran yang pernah saya alami sebelum ini. Saya yakin akan keberkesanan kerana ianya dapat membantu menstabilkan hormon, menguatkan tulang dan membekalkan tenaga semasa hamil di samping membantu perkembangan tumbesaran bayi dalam kandungan. Kali ini, saya tidak mengalami sebarang alahan dan tidak mudah emosional walaupun kadang-kadang lugasas di tempat kerja begitu banyak. Saya berasa amat lega apabila kandungan melepasi tempoh semester pertama yang mana sejarah keguguran saya yang lalu tidak pernah melepasi tempoh ini. Apabila kandungan masuk usia pertengahan 6 bulan, saya telah mengambil Bio Selusuh BIODEX yang berasaskan minyak kelapa dara bagi membantu memudahkan proses kelahiran. Saya turut menyapunya di bahagian perut bagi mengurangkan stretch mark ketika hamil. Akhirnya saya telah selamat melahirkan bayi lelaki seberat 2.9 kg melalui kaedah pembedahan kerana disahkan menghidap darah tinggi di saat-saat akhir. Mungkin kerana darah gemuruh dan cerita yang mengenik di saat-saat ingin melahirkan anak temgiang-ngiang di telinga lalu membuatkan saya takut dan menyebabkan darah meningkat naik. Atas pengalaman ini suka untuk saya berkongsi dengan ibu-ibu hamil supaya bersikap tenang, usah pedulikan cerita-cerita negatif yang boleh membuatkan kita hilang semangat, perbanyakkan doa serta bertawakal semoga proses kelahiran bayi dipermudahkan. Alhamdulillah, bayi yang dilahirkan sangat sihat, berkulit gebu, cerah dan terhidar dari demam kuning. Mungkin inilah kesan positif kerana mengamalkan Set Semasa Hamil BIODEX secara konsisten sepanjang tempoh kehamilan dahulu. Saya juga dapat menyusukan bayi pada hari kedua dan susu badan yang dikeluarkan sangat banyak. Saya berasa sangat gembira kerana dapat mengenyangkan bayi dan melihat wajahnya yang puas disusukan.

Yakin akan keberkesanan BIODEX, saya mendapatkan Set Perfect Mum BIODEX untuk diamalkan dalam waktu berpantang. Saya masih mengambil Supreme Diet dan Susu IgC bagi membekalkan tenaga, menyembuhkan luka pembedahan serta membantu menambahkan susu badan. Walaupun saya menjalani pembedahan, tetapi saya tidak risau untuk menguruskan bayi kerana saya berasa sungguh bertenaga dan sihat. Di usia 2 bulan lebih, bayi saya sudah tegap badannya dan mudah untuk didukung. Ramai yang memuji akan tubuhnya yang sihat dan mudah untuk diuruskan berbanding dengan bayi yang seusia dengannya. Oleh kerana saya terpaksa meninggalkan anak di rumah apabila pergi bekerja, saya telah memberikannya susu formula sejak umurnya 6 bulan dan mencampurkan Susu IgC BIODEX ke dalam campuran susu formulanya. Kesan yang saya lihat ialah, anak saya tidak mengalami masalah kembung perut dan semakin hari kulitnya semakin cerah dan berseri. Warna kulitnya yang cerah begitu menyata berbeza jika dibandingkan dengan kulit saya dan suami. Kadangkala ada yang tidak percaya ini ialah anak kami. Ketika pergi mendapatkan suntikan imunisasi, bayi saya hanya menangis ketika dicucuk dan beberapa minit selepas itu terus tersenyum dan aktif bermain. Bayi saya tidak mengalami demam selepas suntikan dan sangat kuat daya tahan badannya. Kini di usia setahun selang anak saya sangat pintar, aktif dan cepat belajar. Dia juga sudah pandai menghafal ABC dan lagu-lagu pendek. Jika dibawa keluar berjalan-jalan, dia sudah mengenal beberapa jenis kenderaan dan bangunan-bangunan seperti kedai dan masjid. Tutar katanya juga jelas dan kurang pelat. Saya dan suami benar-benar berbangga kerana dikurniakan seorang anak yang sangat pintar, mudah dijaga, comel dan sihat. Mungkin inilah kesan positif kerana sepanjang kehamilan, saya tidak pernah putus-putus memberinya Susu IgC yang membantu untuk menguatkan tulang dan sistem ketahanan badan. Saya juga berhasrat untuk memberi anak saya B-Q BIODEX bagi membantu perkembangan otaknya agar lebih cerdas dan pintar. Sesungguhnya, sebagai seorang ibu sudah pasti saya ingin memberikan yang terbaik untuknya.

Atas keberkesanan Program Kehamilan BIODEX (PKB), saya turut mencadangkan ibu saudara saya yang telah berumah tangga selama 15 tahun tetapi belum hamil untuk mencubanya. Alhamdulillah, dia juga telah berjaya hamil dan selamat melahirkan anak yang kini telah pun berusia 5 bulan lebih. Hilanglah semua tohmahan orang yang mengatakan keturunan kami adalah keturunan mandul. Tiada kata yang dapat menggambarkan perasaan kami atas kurniannya ini. Kami benar-benar bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada pengasas BIODEX, Dr Hajjah Siti Mumi yang telah membantu "menyelamatkan" kami dengan izinNya. Semoga segala usaha beliau diberkati Allah SWT dan pemiagaan bertambah maju. Kini, kehidupan berumah tangga kami sungguh bermakna dan sangat bahagia dengan kehadiran zuriat ini. Seperti pengguna lain yang telah 2 kali melahirkan anak BIODEX, kami juga berhasrat untuk mencuba BIODEX lagi bagi kehamilan kali kedua pula. Biarlah keturunan kami menjadi sejarah yang mesti dikenang sampai ke anak cucu bahawa inilah ANAK-ANAK BIODEX. Syukur pada Yang Maha Esa dan Terima kasih BIODEX!

Nama: **Hasmah Bt Abdullah** Umur: **30 tahun** Tempoh Perkahwinan: **11 tahun** Asal: **Pekan, Pahang**

Set Bersalin Biodex



Set Semasa Hamil



Kami memerlukan gambar dan data-data peribadi anda untuk mewujudkan "BIODEX KIDS CLUB" yang akan menjalankan aktiviti kekeluargaan Biodex di seluruh negara.

Sila hantarkan data-data dan gambar ke alamat seperti di atas atau emelkan ke drsitimurni@gmail.com